



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

**JOP 353 – Teori dan Perkembangan Organisasi /
JOW 359 – Perkembangan Organisasi**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Soalan ini terbahagi kepada 2 bahagian. Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja. **Bahagian A** wajib dijawab. **Bahagian B** jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

Markah bagi setiap bahagian adalah seperti yang tercatat.

BAHAGIAN A [40 markah]

Jawab SEMUA soalan.

SOALAN 1 [WAJIB]

- (a) Jelaskan perbezaan antara analisis kandungan dan analisis *Force-field*.
(10 markah)
- (b) Jelaskan kelemahan penggunaan soalan kajiselidik sewaktu mengumpul data diagnostik.
(5 markah)
- (c) Apakah perbezaan antara *downsizing* dan *reengineering*?
(5 markah)
- (d) Mengapa perlu wujudkan visi apabila organisasi membuat perubahan?
(5 markah)
- (e) Jelaskan **TIGA (3)** cara untuk mengurus transisi.
(15 markah)

BAHAGIAN B [60 markah]

Jawab TIGA (3) soalan sahaja.

SOALAN 2 [20 markah]

Reka bentuk intervensi OD perlukan perhatian yang teliti kepada keperluan dan keadaan perubahan yang dinamik. Perhatian turut diberikan kepada reka bentuk program perubahan yang perlu diselaraskan dengan kriteria untuk memastikan intervensi akan menjadi efektif. Terdapat dua set utama kontigensi yang boleh memberi kesan kepada kejayaan intervensi yang telah dibincangkan dalam OD. Bincangkan **EMPAT (4)** faktor “kontigensi yang berhubung dengan situasi perubahan” dalam proses intervensi.

SOALAN 3 [20 markah]

Pada umumnya, manusia dan organisasi menolak perubahan. Ini menyebabkan organisasi berhadapan dengan kesukaran dalam melaksanakan penambahbaikan organisasi. Pada peringkat personal, perubahan boleh menimbulkan kebimbangan kerana terpaksa melepaskan sesuatu yang telahpun diketahui dan perlu berubah kepada sesuatu yang tidak pasti. Berdasarkan pernyataan ini,

- (a) Jelaskan **TIGA (3)** sumber penolakan pada peringkat organisasi.

(6 markah)

- (b) Jelaskan **TIGA (3)** strategi utama yang boleh digunakan untuk berurusan dengan penolakan terhadap perubahan.

(14 markah)

SOALAN 4 [20 markah]

“Intervensi OD diinstitusikan apabila program perubahan ini berterusan dan menjadi sebahagian daripada fungsi normal organisasi”. Berdasarkan pernyataan ini jelaskan **LIMA (5)** proses yang boleh digunakan untuk menginstitusikan intervensi OD dalam organisasi.

SOALAN 5 [20 markah]

Langkah yang paling penting perunding OD dalam proses diagnostik adalah memberi maklum balas maklumat diagnostik kepada organisasi pelanggan. Sejumlah besar data dikumpul sewaktu proses diagnostik. Malah, sering terdapat lebih banyak maklumat daripada yang diperlukan oleh pelanggan.

- (a) Jelaskan **LIMA (5)** ciri maklum balas data yang berkesan oleh perunding terhadap organisasi pelanggan.

(15 markah)

- (b) Jelaskan terma “motivasi berkerja dengan data”.

(5 markah)